



KERJAYA
UTEM
MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI



UTeM TANDATANGANI PEMBINAAN ASRAMA PELAJAR SECARA PENSWASTAAN

2 Mac 2010 - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menandatangani Konsesi pembangunan Asrama Pelajar Secara Penswastaan dengan Pengurusan Konsesi Asrama Sdn. Bhd. (PEKA) di salah sebuah hotel di Putrajaya hari ini.

Turut hadir bagi menyaksikan majlis ini ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled bin Nordin dan Pengurus Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Dr. Mohd. Talib bin Hashim. UTeM di wakili oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dan sementara Puan Nazli Khir, menandatangani bagi pihak Pengurusan Konsesi Asrama Sdn. Bhd.

Prof. Dr. Datuk Ahmad Yusoff dalam ucapannya menyatakan skop projek yang telah diluluskan di kawasan seluas 70 ekar ini adalah pembinaan sembilan blok bangunan lima tingkat yang boleh memuatkan kapasiti kediaman bagi 3,060 pelajar. Selain itu terdapat dua unit arked pelajar, lapan unit kediaman untuk felo asrama serta dua unit kediaman untuk pengetua asrama yang melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM73 juta dan dijangka siap dalam tempoh 24 bulan seterusnya konsesi asrama ini akan berjalan selama 25 tahun. Caj sewaan yang dikenakan kepada setiap pelajar adalah sebanyak RM5.85 sehari bagi 270 hari dalam setahun.

Keputusan kerajaan ini akan memberi sinar baru kepada penyediaan kemudahan asrama prasarana kediaman yang selesa kepada para pelajar dan seterusnya memenuhi sasaran yang perlu dicapai oleh UTeM seperti di dalam strategik Objektif 4, Pelan Strategik UTeM 2009-210 iaitu menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.

Dengan penandatanganan perjanjian ini maka berakhirlah isu kediaman pelajar di dalam kampus yang telah sekian lama di bangkitkan semenjak UTeM ditubuhkan hampir 10 tahun yang lalu. Pembinaan asrama ini akan memberi suntikan baru buat para pelajar UTeM yang tidak perlu berulang alik dari asrama yang terletak di luar kawasan kampus.

Pada masa ini terdapat lima kolej kediaman yang disewa oleh UTeM yang mampu menampung 2,997 pelajar. Kolej-kolej kediaman ini terletak di kawasan Bukit Beruang dan Taman Tasik Utama Ayer Keroh. Bagi kemudahan para pelajar, pihak universiti telah menyediakan kemudahan bas untuk berulang alik ke kampus.

Keprihatinan pengurusan UTeM untuk menyediakan kemudahan prasarana dan kampus yang kondusif ini melalui penyediaan asrama ternyata memberi kebaikan kepada para pelajar. Dengan adanya kemudahan asrama, para pelajar akan dapat menumpukan perhatian dengan lebih dan mampu memperbaiki pencapaian yang lebih baik pada masa akan datang.



KANDUNGAN

UTeM Tandatangani Pembinaan Asrama Pelajar Secara Penswastaan | Karnival Kerjaya 2010 Dapat Sambutan Hangat | Perbincangan Kerjasama UTeM – Muehlbauer Technologies | MQA menjalankan Lawatan Penilaian ke UTeM | Booth.Pameran Utem Diserbu Pelajar & Ibu Bapa | 1 Malaysia : UTeM Anjur Kolokium Titian Integrasi Etnik | Festival Musim Bunga UTeM Sempena Tahun Baru Cina Meriah | Sambutan Luar Jangkaan Kempen Derma Darah | Kejohanan Mountain Bike UTeM : Peserta Redah Dusun Durian | Kejayaan Mobiworld Harumkan Nama UTeM | UTeM Anjur Pertandingan Catur Bistari Terbuka Negeri Melaka | Jadi Pelajar Yang Tahan Lasak Dan Berani Menghadapi Cabaran | Alumni UTeM Terima Geran Mdec RM 1.2 Juta | UTeM Anjur Kursus Keselamatan Dan Pencegahan Kebakaran | Naib Canselor Kunjungi FPTT | Skuad Myvi Era Gegarkan UTeM | Program UTeM Terbilang Bil 1/2010 | Majlis Anugerah Dekan | Personaliti Pilihan | UTeM Tingkatkan Hubungan Dengan Gergasi Industri Eropah

LG
173
.M44
.B47
2010
a
Mar



9 771985 470003

87516174

**Editor BERITA@UTeM****KETUA EDITOR :**

Prof. Madya Mohd Rahimi
Bin Yusoff

PENOLONG KETUA EDITOR :

Faradila Binti Md. Yusof

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Suria Binti Abdul Rahman

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Bob Faizeli Bin Mohamed Din
Al Rohaiya Binti Adanan

URUS SETIA :

Azlinah Binti Ajis
Nor'Emilia Binti Mohamed

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM ?
Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my

Perpustakaan	Universiti Teknologi Malaysia Melaka
No. Perolehan	No. Panggilan
MKCH	LG
38312	173
Tarikh	M44
16 DEC 2010	B47

Hak Cipta Terpelihara
Pejabat Perancangan Dan
Komunikasi Korporat, Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal, Melaka
Tel : +606 331 6248 / 6249
Faks : +606 331 6247



KARNIVAL KERJAYA 2010 DAPAT SAMBUTAN HANGAT



Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet) telah menganjurkan Karnival Kerjaya 2010 selama 2 hari bermula 9 Mac bertempat di Pusat Persatuan Pelajar di sini.

Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM hadir merasmikan pembukaan Karnival Kerjaya 2010 yang disertai kira-kira 25 organisasi daripada pelbagai industri. Ketika berucap, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff menyatakan bahawa penganjuran karnival sebegini mempunyai impak yang signifikan kepada mahasiswa dalam usaha mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan bidang yang dipelajari. Beliau juga turut menyeru semua mahasiswa merebut peluang ini untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai organisasi-organisasi yang menawarkan pekerjaan yang mempunyai masa depan yang cerah.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antara-bangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi dan Dekan HEPA, Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman merangkap Pengurus Jawatankuasa Induk Karnival Kerjaya UTeM 2010 serta Pegawai-pegawai Kanan universiti.

Pada karnival itu, pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti ceramah kerjaya, ujian personaliti kerjaya, sesi temuduga serta booth pameran oleh organisasi-organisasi yang diundang oleh pengajur. Antara yang turut serta menjayakan karnival ini ialah Rapid KL, Panasonic, Sony, Sun Power Malaysia, syarikat animasi Les'Copaque dan banyak lagi. Pameran yang diadakan bertujuan memberi peluang kepada pengunjung terutama mahasiswa untuk berinteraksi secara lebih dekat dengan syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan.

Menurut Mohd Amin Bin Mohamad, Pegawai Hubungan Industri UTeM, Karnival Kerjaya pada tahun ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada syarikat-syarikat yang turut serta. Tambah beliau lagi, terdapat pelajar yang ditemu duga semasa karnival berlangsung layak untuk ke sesi temu duga peringkat seterusnya. Untuk program di tahun hadapan, Mohd Amin mengharapkan lebih banyak syarikat multinasional (MNC) menyertai karnival seumpama ini.



PERBINCANGAN KERJASAMA UTeM – MUEHLBAUER TECHNOLOGIES

Pada 25 Mac bertempat di Bilik Mesyuarat Senat, telah berlangsungnya sesi perbincangan di antara UTeM dan Muehlbauer Technologies yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi.

Turut hadir pada perbincangan ini ialah Prof. Madya Chong Kuan Eng, Pegawai Khas Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet), Dr. Mohd Warikh Bin Abd. Rashid, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajaran Siswazah) Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), En. Ahmad Rivai, Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) serta wakil-wakil daripada beberapa PTj.

Delegasi Muehlbauer Technologies diketuai oleh Thomas Schwoerer menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan UTeM menerusi beberapa aspek yang dibincangkan pada hari itu. Sebagai permulaan, Muehlbauer akan menawarkan tempat untuk pelajar UTeM menjalani Latihan Industri (LI) di syarikat tersebut. Taklimat kerjaya turut dirancang dalam masa terdekat untuk merapatkan hubungan antara bakal graduan UTeM dengan syarikat yang berasal dari Jerman itu.

Perbincangan selanjutnya menyentuh pembangunan modal insan antara UTeM dan Muehlbauer di mana kedua-dua pihak bersetuju berkongsi kepakaran teknikal melalui skim sangkut industri serta latihan berterusan terutama sekali dalam bidang teknologi pembuatan termaju.



MQA MENJALANKAN LAWATAN PENILAIAN ke UTeM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah bersedia untuk dinilai bagi mendapatkan pengiktirafan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi mengukur tahap keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran di UTeM.

Penilaian ini dijalankan oleh sekumpulan panel penilai dari MQA yang menjalankan Audit Prestasi Akademik (APA) pada 8 hingga 11 Mac 2010 di Kampus Induk UTeM di sini.

Panel penilai ini dipengerusikan oleh Pengarah Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia, Prof. Dato' Mafauzy Mohamed dan dianggotai oleh empat orang panel dan diiringi oleh beberapa pegawai daripada MQA.

Antara skop yang dinilai ialah berkaitan dengan profil korporat universiti, hasil pembelajaran serta program akademik yang ditawarkan. Turut dilihat ialah staf akademik, kemudahan pembelajaran yang disediakan. Pentadbiran dan penambahan kualiti akademik.

Mekanisme penilaian juga turut meliputi lawatan ke sekitar kampus untuk melihat sejauh mana kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan serta meklumbalas oleh alumni dan para pelajar UTeM.

BOOTH PAMERAN UTeM DISERBU PELAJAR & IBU BAPA

4-7 Mac 2010 : Karnival Pendidikan Melaka bertempat di MITC Ayer Keroh


13-14 Mac 2010 : Pameran Pendidikan FACON di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

19-20 Mac 2010 : Karnival Pendidikan MARA 2010 bertempat di Plaza Astana, Kuching Sarawak

20-21 Mac 2010 : Pameran Pendidikan FACON 2010 di Persada Johor

26-28 Mac 2010 : Pesta Pengajian Tinggi Sabah yang telah berlangsung di Kota Kinabalu

28-29 Mac 2010 : Karnival Pendidikan MARA 2010 Zon Timur.



1 MALAYSIA : UTeM ANJUR KOLOKIUM TITIAN INTEGRASI ETNIK



12 Mac 2010 - Kolokium Integrasi Etnik Siri 2 bertajuk "Dasar Ekonomi Baru dan Implikasinya Terhadap Hubungan Etnik di Malaysia" telah diadakan di Dewan Besar Kampus Induk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) kelmarin.

Jemputan kenamaan yang hadir dan terlibat sama dalam menjayakan majlis ini ialah Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin.

Hampir 1000 orang pelajar dan staf UTeM telah menghadiri kolokium ini yang bermula pada jam 2.30 petang dan berakhir kira-kira jam 6.00 petang. Kolokium ini ternyata memberi satu dimensi baru oleh warga UTeM terhadap penghayatan kepada konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

SAMBUTAN LUAR JANGKAAN KEM PEN DERMA DARAH

Unit Kaunseling dan Pemajuan Akademik Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Hospital Melaka telah menganjurkan kempen derma darah bertempat di ruang aktiviti Pusat Persatuan Pelajar, Kampus Induk pada 2-3 Mac yang lalu.

Kempen selama dua hari itu telah menerima sambutan hangat daripada penderma yang terdiri daripada pelajar dan staf UTeM. Menurut pihak pengangur, kempen ini diadakan bagi menampung bekalan tabung darah di Hospital Melaka yang berkurangan lebih-lebih lagi selepas musim cuti perayaan.

Kaunter pendaftaran yang dibuka pada jam 9.00 pagi telah diserbu oleh penderma yang tidak mahu ketinggalan menjayakan program ini. Sepanjang dua hari kempen berlangsung, lebih 100 beg darah telah berjaya dikumpulkan.



FESTIVAL MUSIM BUNGA UTeM SEMPENA TAHUN BARU CINA MERIAH



6 Mac 2010 - Festival Musim Bunga Bersempena perayaan Tahun Baru Cina anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina dengan kerjasama Unit Kebudayaan dan Warisan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berlangsung dengan meriahnya di Dewan Besar UTeM, Kampus Induk, Durian Tunggal semalam.

Majlis telah dirasmikan oleh Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri Hj. Yusoff HM Haniiff. Turut hadir Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM, Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman dan pegawai kanan universiti. Majlis turut dihadiri oleh hampir 1000 orang pelajar UTeM serta pelajar jemputan dari pusat pengajian tinggi yang berhampiran.

Objektif program ini diadakan ialah bagi memupuk semangat 1 Malaysia dan mengeratkan hubungan antara mahasiswa UTeM, memperkenalkan kebudayaan Cina kepada kaum lain supaya dapat menambahkan pemahaman tentang budaya ini dan memupuk perpaduan di kalangan mahasiswa UTeM yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum.

KEJOHANAN MOUNTAIN BIKE UTeM: PESERTA REDAH DUSUN DURIAN

13 Mac 2010 - Jabatan Kokurikulum, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) UTeM telah menganjurkan Kejohanan Mountain Bike Tertutup UTeM 2010 bertempat di kawasan dusun durian UTeM. Kejohanan yang dianjurkan pada setiap tahun itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan apabila menerima penyertaan lebih 70 peserta terdiri daripada pelajar dan staf UTeM.

Kejohanan pada tahun ini menyaksikan kawasan dusun durian UTeM sebagai lokasi perlumbaan. Keadaan tanah yang tidak rata serta pendakian bukit yang curam menambahkan lagi tahap cabaran untuk para peserta. Trek yang disediakan oleh pengangur benar-benar mencabar fizikal dan mental peserta yang mengambil bahagian. Meskipun trek mencabar, namun semua peserta dapat menamatkan perlumbaan dengan jayanya.



KEJAYAAN MOBIWORLD HARUMKAN NAMA UTeM




Nama UTeM sekali lagi mendapat perhatian umum apabila MobiWorld melalui aplikasi Geo Fun yang menggabungkan pendidikan geografi dan permainan interaktif yang boleh dimuat turun ke telefon bimbit yang muncul sebagai pemenang tempat ketiga dalam pertandingan MSC-IHL Business Plan Competition (MIBPC) 2009/2010 pada 18 Mac lalu.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Tuan Hj. Fadilah Yusof, Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi dan Tan Sri Abdul Halim Ali, Pengurus Multimedia Development Corporation (MDeC).

Mobiworld yang dianggotai oleh Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Dr. Sazilah Salam, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) Edna Buyong serta dua pelajar pasca siswazah UTeM, Rosfatinah Abu Talib dan Muhamad Hazmin Wardi meraih RM 3,000.

JADI PELAJAR YANG TAHAN LASAK DAN BERANI MENGHADAPI CABARAN



Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) disaran untuk menjadi pelajar yang tahan lasak dan berani menghadapi segala yang mungkin semasa mereka berada di UTeM. Dengan sikap yang demikian akan membuatkan pelajar dapat memajukan diri dan menempuh cabaran masa depan.

Demikian saranan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan semasa Majlis Dialog bersama pelajar UTeM di perkarnagan Kolej Kediaman Bunga Raya di Bukit Beruang, Melaka kelmarin. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Mohd. Kadim Suaidi serta Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Prof. Dr. Marizan b. Sulaiman.

Majlis adalah anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM adalah bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar UTeM mengemukakan masalah yang dihadapi kepada pihak pengurusan universiti. Perjumpaan dalam suasana santai ini adalah sebagai mendekatkan pegawai kanan universiti serta memperkenalkan ahli exco MPP yang baru dilantik kepada pelajar-pelajar UTeM. Seramai lebih 300 pelajar telah menghadiri majlis yang pertama kali diadakan di luar kawasan kampus.

UTeM ANJUR PERTANDINGAN CATUR BISTARI TERBUKA NEGERI MELAKA



Sebagai usaha untuk memupuk sifat keusahawanan khususnya di kalangan pelajar, Kelab Keusahawanan UTeM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah mengambil inisiatif menganjurkan Pertandingan Catur Bistari Terbuka Negeri Melaka pada 20 Mac lalu bertempat di Dewan Besar UTeM.

Dekan HEPA, Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman turut hadir memberikan sokongan kepada peserta yang datang dari seluruh pelusuk negeri ini. Antara objektif penganjuran pertandingan sebegini adalah untuk mempromosikan UTeM kepada pihak luar disamping memperkenalkan permainan berunsurkan keusahawanan ini kepada umum.

Pemenang telah menerima hadiah lumayan berupa komputer riba bagi kategori Aset Tertinggi Individu, wang tunai RM 3,000 bagi Aset Tertinggi Kumpulan (johan), manakala RM 2,000 dan RM 1,000 bagi tempat kedua dan ketiga.

ALUMNI UTeM TERIMA GERAN MDeC RM 1.2 JUTA

Seramai 7 orang alumni UTeM telah mencipta sejarah apabila telah terpilih untuk menerima geran ‘Technopreneur Pre Seed Fund Programme’ daripada Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) baru-baru ini.

Menurut kenyataan daripada Presiden Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) Al Amin Sultan, kejayaan ini membuktikan bahawa graduan UTeM sememangnya kreatif, memiliki daya saing yang tinggi serta diiktiraf oleh industri. Kesemua penerima geran tersebut adalah graduan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK). Mereka terdiri daripada Sapri Sahabudin, Wan Sazli Nasaruddin Saifudin, R. Risha, Nur Shahidah Hidayu, Muaz Mohamed, Mohd Rashidi dan Muhammad Hazmin Wardi.

Kejayaan ini merupakan satu pencapaian yang bermakna kerana setiap peserta telah bersaing dengan beribu-ribu penyertaan dari seluruh negara. Geran yang diterima akan disalurkan kepada penerima untuk membangunkan projek multimedia yang mempunyai nilai komersil yang tinggi.



UTeM ANJUR KURSUS KESELAMATAN DAN PENCEGAHAN KEBAKARAN



Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UTeM telah menganjurkan Kursus Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran siri 1/2010 pada 17 dan 18 Mac bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh.

Kursus ini disediakan khas untuk ahli jawatankuasa Persekutuan, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dilantik di setiap jabatan serta fakulti tentang peranan, tanggungjawab, kemahiran menyelamat dan mengendalikan peralatan ketika menghadapi situasi kebakaran.

Peserta kursus telah didedahkan dengan pengetahuan mengenai punca kebakaran, teknik menyelamat serta diperkenalkan dengan pelbagai jenis peralatan yang digunakan untuk memadamkan kebakaran. Setiap peserta diberikan peluang merasai sendiri pengalaman menyelamatkan mangsa dan mengendalikan peralatan seperti penyembur serbuk, penyembur air serta latihan memadamkan kebakaran di tapak yang disediakan di perkangan balai tersebut.

SKUAD MYVI ERA GEGARKAN UTeM

Pada 8 Mac lalu, suasana di Pusat Persatuan Pelajar lebih gamat daripada hari-hari sebelumnya. Di bangunan tersebut, dua buah kereta berwarna hijau telah diletakkan betul-betul di hadapan ruang legar pusat aktiviti pelajar. Dengan pembesar suara yang nyaring, petugas Skuad Myvi ERA mengumumkan kehadiran mereka di bumi bertuah ini.

Kira-kira 70 pelajar dan staf UTeM tidak melepaskan peluang untuk bersama Skuad Myvi ERA yang buat pertama kalinya menjekakkan kaki ke UTeM. Pelbagai kuiz dijalankan dan hadirin yang hadir begitu teruja memenangi hadiah-hadiah istimewa yang ditawarkan. Salah seorang pelajar UTeM telah memenangi wang tunai RM 150 melalui kuiz 'Jangan Lupa Lirik'.

Dalam perkembangan berkaitan, UTeM turut menyumbangkan tajaan berupa 'goodie bag' kepada Skuad Myvi ERA sebagai salah satu langkah untuk mempromosikan universiti kepada umum melalui aktiviti yang dijalankan oleh stesen radio tersebut di kawasan selatan tanahair.



NAIB CANSELOR KUNJUNGI FPTT



Pada 31 Mac yang lalu, Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM telah mengadakan lawatan ke Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) di Kampus Bandar. Ketibaan Y. Bhg. Naib Canselor telah disambut oleh Dekan FPTT, Prof. Dr. Salleh bin Yahya serta seluruh warga fakulti tersebut.

Lawatan dimulakan dengan sesi ramah mesra di antara Y. Bhg. Prof. Ahmad dengan warga kerja FPTT yang terdiri daripada bahagian pentadbiran dan kakitangan akademik. Naib Canselor turut mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada warga FPTT yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dan telah mengharumkan nama UTeM di peringkat nasional.

Beliau kemudiannya dibawa melawat kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang terdapat di fakulti itu. Di akhir lawatan, Naib Canselor turut mengadakan pertemuan dengan pelajar-pelajar FPTT. Ternyata kehadiran beliau telah menaikkan semangat dan inspirasi seluruh warga FPTT untuk terus berusaha ke arah kejayaan.

PROGRAM UTeM TERBILANG BIL 1/2010

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Program UTeM Terbilang yang meliputi orientasi, akujanji staf baru dan induksi khusus pada 12-18 Mac yang lepas. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM. Turut hadir ke majlis ini ialah Prof. Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), En. Hasan Bin Sirun, Pendaftar serta Pegawai-pegawai Kanan universiti.

Semasa menyampaikan amanat, Y. Bhg Naib Canselor mengucapkan tahniah kepada semua peserta Program UTeM Terbilang yang telah terpilih untuk berkhidmat di universiti ini. Beliau menyeru agar setiap staf memberikan komitmen yang tinggi terhadap universiti untuk mencapai misi dan visi UTeM.



SEKITAR Majlis Anugerah Dekan

Sepanjang bulan Mac, beberapa fakulti telah mengadakan Majlis Anugerah Dekan bagi meraikan pelajar-pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam peperiksaan. Berikut disenaraikan majlis-majlis yang telah berlangsung sepanjang bulan Mac:

Majlis Anugerah Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT)

Berlangsung pada 16 Mac 2010 di Auditorium Blok D, Kampus Bandar. Pada majlis ini seramai 58 pelajar semester 1 sesi 2009/2010 menerima Anugerah Dekan iaitu:

- a) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pemasaran Teknologi Tinggi) : 21 orang
- b) Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Inovasi Teknologi) : 24 orang
- c) Ijazah Sarjana Muda Teknousahawan : 13 orang

Majlis Anugerah Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)

Telah dilangsungkan pada 22 Mac 2010 di Ayer Keroh d'Village. Seramai 274 pelajar yang telah berjaya menerima Anugerah Dekan iaitu :

- a) Sesi 2008/2009 semester I : 60 orang
- b) Sesi 2008/2009 semester II : 75 orang
- c) Sesi 2009/2010 semester I : 139 orang

Majlis Anugerah Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)

Telah dilangsungkan pada 22 Mac 2010 di Bilik Seminar Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi.

Seramai 326 pelajar yang telah berjaya menerima Anugerah Dekan iaitu :

- a) Sesi 2008/2009 semester I : 70 orang
- b) Sesi 2008/2009 semester II : 90 orang
- c) Sesi 2009/2010 semester I : 166 orang

Majlis Anugerah Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Berlangsung pada 25 Mac 2010 di Dewan Besar UTeM.

Pada majlis ini seramai 268 pelajar menerima Anugerah Dekan iaitu:

- Sesi 2008/2009 Semester I - 45 orang
- Sesi 2008/2009 Semester II - 79 orang
- Sesi 2009/2010 Semester I - 144 orang



Nama Staf : Nurdyana Izyan bt Ahmad Ahsan
PTj : PBPI

Nama Anak : Sufiya bt Mohd Azrien Haffiz
Tarikh lahir : 15/01/2010


Nama Staf : Mohd Saharudin bin Abdul Rahman
PTj : Pusat Sukan

Nama Anak : Imran Alim bin Mohd Saharudin
Tarikh Lahir : 15/03/2010

Nama Staf : Zuhaimi Alias
PTj : BKPs

Nama Anak : Fardinie Sorfina bt Zuhaimi


Tarikh Lahir : 25/03/2010



Al-Fatihah

Al Fatihah
Sama-sama kita sedekahkan Al Fatihah kepada
Allahyarham Mohamad Hafiz b. Mat Abas pelajar Tahun 2
FKM yang telah kembali ke rahmatullah pada 13 Mac 2010.

Personaliti Pilihan



KASRON BIN BESETH
PENGAWAL KESELAMATAN (UNIT TRAFIK)

Berasal dari Batu Pahat merupakan bekas anggota tentera yang telah berkhidmat selama 18 tahun bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Antara pengalaman yang tidak dapat beliau lupakan ialah ketika berkhidmat sebagai pengaman di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) di Namibia. Sebagai bekas anggota tentera, Kasron sentiasa menjaga penampilan diri terutama sekali ketika menjalankan tugas. Sifat beliau yang tegas tidak bermakna beliau garang, malah beliau sebenarnya seorang yang peramah dan sedang diajak berbicara.

Karier Kasron di UTeM bermula pada bulan Ogos tahun 2004 sebelum menyertai Unit Trafik pada tahun 2006 hingga kini. Bertugas di Unit Trafik, tugas Kasron mengiringi kenderaan VIP yang memasuki kampus untuk menghadiri majlis rasmi universiti. Selain itu beliau turut memastikan kelancaran aliran kenderaan ketika sesuatu majlis berlangsung.

Bapa kepada 4 orang anak ini sangat aktif di dalam arena sukan terutama sekali olahraga. Beliau sering mewakili jabatan dan universiti dalam acara 1,500 meter dan 10,000 meter ke pertandingan-pertandingan yang dianjurkan serta menjadi penyumbang pingat kepada pasukan beliau.



MARHAMAH BINTI AHMAD
PEMBANTU TADBIR (P/O)

Anak jati Kampung Air Hitam, Lendu ini memulakan khidmat di UTeM pada tahun 2002 di Pejabat Pendaftar. Berbekalan pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran, pada tahun 2007 beliau kemudiannya menyertai warga Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) hingga kini. Selain sibuk menguruskan hal-hal pentadbiran fakulti, Marhamah sebenarnya merupakan seorang atlet serba boleh. Beliau telah merangkul pingat perak dalam acara lontar peluru manakala menyumbangkan pingat gongsa bagi acara rejam lembing pada temasya olahraga Sukan Antara Jabatan 2010 yang baru sahaja berlangsung.

Selain bergiat aktif dalam acara olahraga, Marhamah turut menyumbang bakti sebagai Pengurus pasukan bola jaring dan bola tampar (wanita) FKP. Malah beliau turut menganggotai pasukan ping pong FKP dan berjaya meraih tempat ke-3 pada kejohanan lepas. Meskipun sibuk dengan tugasan di dalam dan di luar pejabat, rakan-rakan sekerja menyifatkan Marhamah sebagai seorang yang rajin, ceria dan peramah.

UTeM TINGKATKAN HUBUNGAN DENGAN GERGASI INDUSTRI EROPAH



Bidang kerjasama UTeM dengan industri semakin diperluaskan apabila kerjasama baru akan dibentuk dengan Muehlbauer manakala hubungan dengan Infineon terus diperkuat. Ini adalah susulan lawatan Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan yang menyertai Lawatan Kerja Kerajaan negeri Melaka ke Negara-negara Eropah seperti Perancis, Jerman, Switzerland serta Belanda.

Delegasi lawatan yang bermula pada 13 hingga 27 Mac 2010 ini telah diketuai oleh Yang Di-pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob yang juga Canselor UTeM. Turut serta, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam serta delegasi Kerajaan Negeri Melaka yang terdiri daripada barisan pentadbiran dan ketua jabatan tertentu negeri Melaka.

Lawatan ini bermula dengan lawatan ke beberapa tempat di Perancis, diikuti dengan lawatan ke Jerman. Namun begitu, tumpuan lebih terarah kepada lawatan yang diketuai oleh Tun Canselor UTeM ke kilang gergasi elektronik Eropah iaitu Infineon Technologies dan Muehlbauer.

Delegasi Kerajaan Negeri Melaka telah disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Muehlbauer iaitu Josef Muehlbauer. Menerusi perbincangan yang dijalankan, Muehlbauer yang telah melabur sebanyak RM 150 juta di Melaka menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan UTeM terutama dari segi perkongsian teknologi.

Sementara itu, ketika melawat Infineon Technologies, delegasi dari Melaka telah disambut oleh Dr. Alfred Hoffman, Naib Presiden Korporat Infineon Technologies. Hubungan yang sedia terjalin antara UTeM dan Infineon Technologies semakin teguh apabila pihak pengurusan tertinggi syarikat gergasi tersebut melahirkan komitmen untuk melatih tenaga pengajar dan pelajar dalam bidang-bidang berkaitan. Infineon Technologies yang melabur sebanyak RM 5 bilion di Melaka berasa amat yakin terhadap kerjasama yang ditunjukkan oleh UTeM serta memuji kestabilan ekonomi di Malaysia.

Lawatan hampir dua minggu ini memberikan pelbagai manfaat dan peluang kepada negeri Melaka dan wakil-wakil yang menyertai termasuklah UTeM sendiri. Ini kerana banyak peluang kerjasama terbina sepanjang lawatan ini berlangsung sesuai dengan matlamat kerajaan negeri untuk mencapai Melaka Maju 2010 menjelang bulan Oktober kelak.

